**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

# KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST) (bagi kerja elektrik sahaja).** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebut harga.

2. Kontraktor perlu melampirkan **Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate (TCC)*** bagi kesemua kerja sebut harga ini.

3. Kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini juga WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Bahagian Perolehan mengikut masa yang telah ditetapkan. **Perhatian kepada semua kontraktor, MPPD telah membuka kaunter pendaftaran / pembaharuan sijil kontraktor bagi sesi 2026 bermula 1 Disember 2025.**

4. **Pendaftaran / pembaharuan sijil kontraktor MPPD hendaklah dibuat sebelum atau pada 14 April 2026 bagi kerja sebut harga ini. Kaunter akan ditutup pada 15 April 2026 bagi memberi laluan kepada sesi taklimat & jualan. Kaunter akan dibuka semula pada 22 April 2026.**

5. Taklimat adalah **DIWAJIBKAN (sila rujuk nombor sebut harga)**. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi menawarkan harga yang munasabah. Sekiranya memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebut harga). **Borang Sebut Harga boleh diperoleh di Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD. Kontraktor WAJIB membawa dokumen-dokumen secara '*hard copy*' seperti yang dinyatakan pada perenggan 1 semasa proses taklimat & pembelian naskah sebut harga. Sebarang dokumen dalam bentuk digital atau '*soft copy*' tidak akan diterima.**

6. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat bagi pembelian dokumen.**

7. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD mulai 15 April 2026 (Rabu). Kontraktor dinasihatkan untuk menyemak bil sebelum membuat pembayaran. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor.**

8. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga **sebelum atau pada 21 April 2026 (Selasa) jam 12.00 tengah hari di Bahagian Perolehan, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD tidak akan menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.

9. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Walaubagaimanapun MPPD berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai.

10. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.

11. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

12. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

| | | |
|---|---|---|
| Tandatangan | : | ............................................................ |
| Nama Pegawai | : | **HASNOR BIN ABD HAMID** |
| Jawatan | : | **YANG DIPERTUA,<br>MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON** |
| Tarikh | : | 9/4/2026 |

Tarikh Iklan : 9.4.2026

| NO. SEBUT HARGA | TAJUK PROJEK | GRED KONTRAKTOR KATEGORI & PENGKHUSUSAN |
|---|---|---|
| S0038/26<br>RM50.00 | KERJA-KERJA MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN DI TAMAN DATO ABDUL SAMAD FASA 1 DAN FASA 2, TAMAN INTAN DUYUNG, PORT DICKSON | **G1**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0039/26<br>RM50.00 | KERJA-KERJA MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN DI RUMAH RAKYAT PENGKALAN DURIAN FASA 2 DAN TAMAN BUKIT KEMPAS, PORT DICKSON | **G1**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0040/26<br>RM50.00 | KERJA-KERJA MENYELENGGARA TAMAN PERMAINAN DI TAMAN PD UTAMA FASA 1 DAN FASA 2, TAMAN SELASIH, BAYU INDERA, TAMAN NILA ASPIRA DAN TAMAN BUNGA EMAS, PORT DICKSON | **G1**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0041/26<br>RM50.00 | KERJA-KERJA MENYENGGARA TAMAN PERMAINAN DI BANDAR SPRINGHILL (JALAN SPRINGHILL 10/21), (JALAN SPRINGHILL 1/30), (JALAN SPRINGHILL 2/12), (JALAN SPRINGHILL 1/18), DAN (JALAN SPRINGHILL 1/24) PORT DICKSON | **G1**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0042/26<br>RM50.00 | CADANGAN MEMBINA RUANG SERBAGUNA DI MASJID BAGAN PINANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN | **G1**<br>KATEGORI B & CE<br>PENGKHUSUSAN<br>B04 & CE21 |
| S0043/26<br>RM150.00 | MENAIK TARAF PENCAHAYAAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DUN SRI TANJONG, PORT DICKSON | **G2**<br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0044/26<br>RM150.00 | PEMASANGAN LAMPU JALAN JENIS SOLAR LED SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LALUAN JANAKUASA TUANKU MUHRIZ, PORT DICKSON | **G2**<br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0045/26<br>RM150.00 | PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (POKOK TEDUHAN) SERTA LAIN - LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN DESA PD PORT DICKSON | **G2**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0046/26<br>RM150.00 | CADANGAN KERJA PEMBAIKAN KABEL DAN LAMPU LIMPAH SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI SAUJANA, PORT DICKSON | **G2**<br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0047/26<br>RM150.00 | PENYELENGGARAAN LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PERINDUSTRIAN LUKUT, PORT DICKSON | **G2**<br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE21 |

| | | |
|---|---|---|
| S0048/26<br>RM150.00 | PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (POKOK TEDUHAN) SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SPRINGHILL 9, SPRINGHLL 10, SPRINGHILL HEIGHT, PARK RESIDENCE DAN SPRINGHILL 2B PORT DICKSON | **G2**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0049/26<br>RM150.00 | PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI (POKOK TEDUHAN) SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI BAYU DAN PANTAI CAHAYA NEGERI PORT DICKSON | **G2**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0050/26<br>RM150.00 | MENAIK TARAF TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK KELAINAN UPAYA (MESRA OKU) DI PANTAI BAGAN PINANG SERTA KERJA BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON | **G2**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE14 |
| S0051/26<br>RM50.00 | MEMBAIK PULIH PAGAR SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PASAR PASIR PANJANG, MP PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI B & CE<br>PENGKHUSUSAN<br>B04 & CE21 |
| S0052/26<br>RM50.00 | MEMBAIK PULIH KEROSAKAN DI DEWAN WAWASAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0053/26<br>RM50.00 | PENYELENGGARAAN LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI MEDAN IKAN BAKAR TELOK, MP PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE21 |
| S0054/26<br>RM50.00 | CADANGAN PEMBINAAN RAMP PENDARATAN BOT SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE10 & CE21 |
| S0056/26<br>RM50.00 | KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU SOLAR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI HADAPAN PD MARINA, PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0057/26<br>RM50.00 | CADANGAN MENAIKTARAF LONGKANG MONSUN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI BATU 1, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN | **G1**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE21 |
| S0058/26<br>RM50.00 | NAIKTARAF PENCAHAYAAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN PANTAI BATU 1, PORT DICKSON | **G1**<br><br>KATEGORI ME<br>PENGKHUSUSAN<br>E11 |
| S0059/26<br>RM150.00 | MENAIK TARAF PUSAT PENJAJA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN MAHAJAYA, MP PORT DICKSON | **G2**<br><br>KATEGORI B & CE<br>PENGKHUSUSAN<br>B04 & CE21 |
| S0060/26<br>RM150.00 | MENAIK TARAF LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI TAMAN PD MEWAH, MP PORT DICKSON | **G2**<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE21 |

| | | |
|---|---|---|
| S0061/26<br>RM150.00 | CADANGAN MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI HADAPAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATUK HAJI ABDUL SAMAD PORT DICKSON | G2<br><br>KATEGORI CE<br>PENGKHUSUSAN<br>CE01 & CE21 |

**TIADA TAKLIMAT UNTUK KERJA SEBUT HARGA INI. JUALAN AKAN BERMULA PADA JAM 11.00 PAGI PADA 15.4.2026 SAHAJA BAGI MEMBERI LALUAN PADA SESI TAKLIMAT G3.**

**Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-**

| | | |
|---|---|---|
| **Isnin hingga Khamis** | - | **8.30 pagi - 12.30 tengahari** |
| | - | **2.30 petang - 3.30 petang** |
| **Jumaat** | - | **8.30 pagi - 12.00 tengahari** |

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

**Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.**

| | | |
|---|---|---|
| S0062/26<br>RM50.00 | MENAIK TARAF PASAR LINGGI SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, MP PORT DICKSON | **G3**<br>KATEGORI B & CE<br>PENGKHUSUSAN<br>B04 & CE21<br>**(KONTRAKTOR NEGERI SEMBILAN SAHAJA)** |

**Berkumpul di Dewan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 15.4.2026 (Rabu). Pendaftaran jam 9.00 - 9.30 pagi. Sebarang kelewatan tidak akan dipertimbangkan. Taklimat bermula jam 9.30 pagi.**

**Menghadiri taklimat adalah WAJIB untuk Kerja Sebut Harga ini. Hanya penama yang terdapat di dalam Sijil PKK dibenarkan hadir dan wakil tidak dibenarkan.**

**Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-**

| | | |
|---|---|---|
| **Isnin hingga Khamis** | - | **8.30 pagi - 12.30 tengahari** |
| | - | **2.30 petang - 3.30 petang** |
| **Jumaat** | - | **8.30 pagi - 12.00 tengahari** |

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

**Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.**